



اوتنورسيتي مليسيا فهج السلطان عبد الله
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI
PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI PENGURUSAN PELAJAR
KALI KE-182 BIL.30/2025

KADAR ELAUN, KEMUDAHAN DAN SAGUHATI PELAJAR BERKAITAN
AKTIVITI PELAJAR

Assalamualaikum dan Salam hormat,

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas;

Sukacita dimaklumkan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Universiti Kali Ke 63 Bil. 3/2025 pada 15 Ogos 2025 yang lalu telah meluluskan Kadar Elaun, Kemudahan dan Saguhati Pelajar berkaitan Aktiviti Pelajar.

Kadar ini adalah **berkuatkuasa** untuk semua aktiviti berkaitan pelajar **bermula 25 Ogos 2025**. Bersama ini dilampirkan senarai berkaitan sebagai rujukan semua warga UMPSA.

Sebarang pertanyaan mengenai pengurusan pelajar, sila hubungi Akademi Adab, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (09-431 5079) atau melalui emel adab@umpsa.edu.my.

Sekian untuk makluman.

Disediakan oleh:
Akademi Adab
Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni
Tarikh: 29 Ogos 2025

**JADUAL KADAR ELAUN, KEMUDAHAN DAN SAGUHATI PELAJAR
BERKAITAN AKTIVITI PELAJAR**

PERKARA	KETERANGAN	
Bahagian A		
Elaun makan dalam kampus (kelayakan elaun mengikut tempoh pelaksanaan program) <i>Nota : Berdasarkan Pekeliling Bendahari Bil. 4 Tahun 2025 berkaitan Peraturan dan Kadar Keraian Rasmi</i>	Sarapan Pagi	RM7.00
	Makan Tengahari	RM10.00
	Minum Petang	RM7.00
	Makan Malam	RM10.00
Elaun makan luar kampus	RM34 /sehari (melebihi 8 jam) RM17 / separuh hari (kurang 8 jam)	
Kos Penginapan	i. Keutamaan mana-mana tempat penginapan asrama yang berdekatan dengan lokasi program : ATAU ii. Inap Desa yang berdekatan dengan kadar maksimum RM270/hari (berkumpulan)	
Kos Pengangkutan Sewaan	i. Keutamaan untuk menggunakan kenderaan universiti / kontrak berpusat dan tertakluk kepada peraturan berkuatkuasa. ii. Jika tidak diluluskan oleh PPPH / HEPA, boleh dipertimbangkan menggunakan peruntukan boleh gunakan peruntukan Akaun Amanah Aktiviti Pelajar (Sumber Yuran-HEP 3019). iii. Setiap permohonan perlu kemukakan bukti dan dokumen sokongan berkaitan.	
Tuntutan tambang gantian pelajar dikehendaki balik ke kampus bagi menghadiri aktiviti / program anjuran universiti atau kementerian.	i. Tuntutan tambang gantian kenderaan darat (bas) pelajar boleh mengemukakan tiket pengangkutan. ii. Tuntutan perjalanan kenderaan sendiri adalah mengikut harga tiket bas semasa. iii. Tuntutan pengangkutan udara sehingga KLIA / KLIA 2 dibenarkan menuntut perjalanan sehala sahaja bagi pelajar Sabah / Sarawak / Wilayah Persekutuan Labuan sahaja.	
Bahagian B		
Elaun Luar Negera (selain program mobiliti)	RM50 / hari / orang (tertakluk maksimum selama 5 hari)	
Kos Penginapan Luar Negeri	Mengikut pakej dan kertas kerja yang diluluskan.	

PERKARA	KETERANGAN
Bahagian C	
Pakej kursus / bengkel / mesyuarat termasuk kos penginapan, makan & minum dan aktiviti.	Mengikut pakej tawaran kursus / bengkel / mesyuarat dengan semakan pihak pengurusan.
Pakej Majlis Rasmi	Mengikut pakej tawaran majlis dengan semakan pihak pengurusan.
Bahagian D	
Kumpulan Pakar Tokoh / Penceramah / Panel / Selebriti / Pengubah Lagu / Penulis Lirik	Mengikut pakej yang ditawarkan dengan semakan pihak pengurusan.
Bahagian E	
Sumber Peruntukan Kewangan	<p>Sumber peruntukan kewangan yang boleh digunakan iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Peruntukan yang diberikan kepada badan pelajar (Persatuan / Kelab) bagi setiap aktiviti / program anjuran badan pelajar tersebut. b) Akaun Amanah Aktiviti Pelajar (Sumber Yuran – HEP 3019) bagi setiap aktiviti / program anjuran Universiti / Kementerian serta mendapat kelulusan pihak Akademi Adab HEPA.